

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

30 OGOS 2020 BH **ABAD**

Nasional

Sedia pinda Akta 342 naik kadar kompaun

KKM dapatkan maklum balas pelbagai pihak, rakyat sebelum dibawa ke Kabinet

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Kota Tinggi: Kementerian Kesihatan (KKM) sedia meminda Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) untuk menaikkan kadar kompaun terhadap mereka yang mengingkari peraturan, pada sesi Dewan Rakyat akan datang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya akan membincangkan perkara itu di Kabinet, termasuk menentukan kadar kompaun berseuaian.

Katanya, KKM akan mendapatkan maklum balas pelbagai pihak terutama rakyat sebelum menetapkan kenaikan kompaun itu diumumkan.

Pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, malam tadi (kelmarin) yang berse-

tuju kompaun dinaikkan atas kesalahan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan adalah amat wajar.

"KKM menyambut baik persetujuan itu dan kita akan meminda Akta 342 bagi menaikkan nilai kompaun pada sidang Dewan Rakyat, November ini.

"Bagaimanapun, kita mahu mengetahui pandangan rakyat mengenai langkah ini (menaikkan kompaun) kerana pada sidang Dewan Rakyat sebelum ini, ada Ahli Parlimen meminta nilai kompaun diturunkan kerana ia membebankan golongan tidak mampu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyerahan pelitup muka kepada Pertubuhan Gabungan Tahfiz Negeri Johor di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panti, Hahasrin Hashim dan Pengurus Besar Econsave Cash & Carry Sdn Bhd, (Econsave) Mas Imran Adam.

Kelmarin, Perdana Menteri dilaporkan menyokong cadangan KKM menaikkan kadar kompaun ke atas mereka yang ingkar peraturan Akta 342.

Muhyiddin berkata, cadangan itu mahu menaikkan kadar kompaun



Dr Adham (dua dari kanan) bersama Mas Imran (kanan) pada majlis penyerahan pelitup muka oleh Econsave Cash & Carry Sdn Bhd kepada Gabungan Tahfiz Johor di Kota Tinggi, semalam. (Foto BERNAMA)

bagi kesalahan berkaitan sekurang-kurangnya dua atau tiga kali ganda berbanding kadar sekarang.

Dr Adham yang juga Ahli Parlimen Tenggara berkata, anggota penguat kuasa boleh menggunakan budi bicara dalam mengeluarkan kompaun mengikut Akta 342.

"Walaupun kompaun maksimum ketika ini adalah RM1,000, penguat kuasa boleh gunakan budi bicara bermula RM100, RM200 namun jika kesalahan itu serius, kompaun maksimum wajar dikenakan," katanya.

Mengenai saranan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, supaya kompaun dinaikkan dari kadar semasa RM1,000 kepada RM10,000, Dr Adham berkata, ia dicadangkan susulan kebimbangan terhadap kewujudan beberapa kluster baharu seperti Sivagangga, Tawar, Sala, Muda dan terbaharu di Hospital Angkatan Tentera Kem Te-

rendak, Sungai Udang.

Dalam perkembangan lain, Dr Adham berkata, catatan suhu badan wajar direkodkan di premis sebagai langkah mengesan mereka yang bergejala dan berisiko dengan jangkitan COVID-19.

Katanya, langkah itu memudahkan KKM mengasingkan mereka yang bergejala dan tidak bergejala bagi mendapatkan rawatan lanjut.

"Di luar negara pun pendekatan mencatat dan mengimbas suhu badan diteruskan.

"Jika suhu 37.5 ke atas, mereka (premis) boleh ambil keputusan untuk asingkan golongan berisiko supaya dapat disaring dan mungkin diuji dengan RT-PCR (Real Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction).

"Ada kes suhu badan tidak diambil menyebabkan Kementerian sukar mengesan kontak rapat mereka yang terjejas.

"Kes kluster Sivagangga di Ke-

dah tiada langsung buku catatan mengandungi suhu badan dan data pengunjung, malah data aplikasi MySejahtera juga tidak disediakan, sekali gus menyukarkan pengesanan kontak yang memasuki premis terjejas," katanya.

Khamis lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dilaporkan berkata, suhu badan pelanggan yang berkunjung ke sesuatu premis perniagaan tidak wajib dicatat, sebaliknya hanya nama dan nombor telefon perlu direkod dalam buku jika pelanggan berkenaan tidak menggunakan aplikasi MySejahtera.

Sementara itu, Dr Adham memuji langkah Econsave menawarkan pelitup muka pada harga 18 sen sekeping atau RM8.90 untuk sekotak 50 keping di 81 cawangan-nya di seluruh negara.

Katanya, ia menyokong kempen Kebudayaan Norma Baharu yang dilancarkan KKM.

11 kes baharu, lapan pesakit disahkan pulih

Kuala Lumpur: Lapan pesakit COVID-19 disahkan pulih semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kategori itu kepada 9,038 iaitu 97.0 peratus daripada bilangan keseluruhan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 11 kes baharu direkodkan setakat jam 12 tengah semalam, dengan keseluruhan jangkitan positif COVID-19 di Malaysia kini adalah kepada 9,317 kes.

Beliau berkata, 10 daripada kes baharu itu adalah jangkitan import, membabitkan enam warga negara tempatan dan empat rakyat asing.

"Semua 10 kes import itu membabitkan dari India dengan tujuh kes di Kuala Lumpur dan satu di Selangor, Indonesia (satu kes di Selangor) dan Qatar (satu kes di Kuala Lumpur).

"Baki satu kes tempatan mem-

babitkan warga tempatan di Sarawak hasil saringan pra pembedahan di Hospital Umum Sarawak," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, lapan pesakit COVID-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) ketika ini, dengan enam memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada kematian dilaporkan, justeru jumlah kumulatif kematian akibat virus itu di Malaysia kekal 125 kes atau 1.34 peratus daripada jumlah keseluruhan," katanya.

Beliau berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CRPC) Kebangsaan menerima laporan berhubung kes positif COVID-19 dalam kalangan anggota di Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak, Melaka, tiga hari lalu.

Berdasarkan siasatan, katanya,

dua kes dikesan melalui saringan pra pembedahan dan satu kes saringan bergejala di hospital berkenaan.

"Pihak Angkatan Tentera Kem Terendak bersama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka membuat penilaian risiko ke atas anggota dan pengesanan kes secara aktif, manakala saringan kontak rapat kes positif turut dikenal pasti.

Dr Noor Hisham berkata, saringan gejala dan pengambilan ujian pengesanan COVID-19 dilakukan ke atas kontak rapat yang dikenal pasti.

"Surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah diberi kepada kontak rapat, manakala individu yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan teruk, dirujuk ke hospital untuk pengasingan dan rawatan lanjut," katanya.



Dua kes dikesan melalui saringan pra pembedahan dan satu kes saringan bergejala di Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak, Melaka, tiga hari lalu. (Foto BERNAMA)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

BH ABAD 30 OGOS 2020

5

Nasional

Penularan COVID-19

3,216 penduduk Amanjaya disaring

6 pusat pengambilan sampel dibuka, aktiviti promosi kesihatan dipergiat

Oleh Sophia Ahmad dan Noorazura Abdul Rahman bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Seramai 3,216 membatikn 14.4 peratus daripada 22,360 penduduk di Amanjaya sudah disaring sehingga jam 8 malam kelmarin susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di Aman Jaya bermula kelmarin.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Mohd Fikri Ujang, berkata semua sampel diambil sudah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Ipoh dan Sungai Buloh.

Katanya, enam pusat pengambilan sampel COVID-19 dibuka dengan dua pusat ditempatkan di setiap zon bermula jam 8 pagi hingga 8 malam.

"Bagi tujuan itu, 700 anggota kesihatan sudah dimobilisasikan, selain aktiviti promosi kesihatan turut giat dijalankan di semua zon membatikn enam pasukan dengan kekuatan 15 kakitangan.

"Antara aktiviti berkenaan ada-

lah 216 kali hebahan awam, edaran risalah sebanyak 7,250 keping di enam pondok panas, 140 sesi nasihat individu dan 31 sesi perbincangan kumpulan kecil.

"Ia termasuk 95 kali sesi taklimat dan perkongsian maklumat dalam media sosial Facebook Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Muda serta Facebook Jabatan Kesihatan Negeri Kedah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Mohd Fikri berkata, kakitangan kesihatan juga pergi rumah ke rumah untuk memberi nasihat kepada penduduk supaya kekal di rumah dan menyalurkan maklumat talian kecemasan untuk dihubungi.

Katanya, aktiviti itu dilihat dapat membantu mengurangkan kebimbangan penduduk di Amanjaya, Sungai Petani.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata 51 individu dikompau, manakala 28 lagi ditahan reman kerana melanggar

prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kelmarin.

Beliau berkata, kesalahan berkenaan termasuk aktiviti di kelab malam, gagal menyediakan peralatan/catitan keluar masuk, tidak memakai pelitup muka, premis beroperasi lebih masa, parti persendirian dan aktiviti menyukarkan pelaksanaan penjarakan fizikal.

Katanya, ia hasil 64,776 pemeriksaan oleh Task Force Operasi Pematuhan diketuai polis.

"Pemeriksaan itu bagi memantau pematuhan SOP membatikn 4,845 pasukan dengan kekuatan 16,796 anggota yang membuat pematuan di 3,722 pasar raya, 5,053 restoran, penjaja (1,420), kilang (1,765), bank (3,770) dan pejabat kerajaan (1,079)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ismail Sabri berkata, pematuan turut dibuat ke atas 1,154 terminal pengangkutan darat, pengangkutan air (203) dan 169 pengangkutan udara.

Katanya, polis mengadakan 63 sekatan jalan raya di bawah Operasi Benteng bagi mengekang masuknya penderatang asing tanpa



Dr Mohd Fikri Ujang

izin, khususnya di lorong tikus.

Mengulas proses kuarantin wajib, beliau berkata, 8,464 individu disahkan menjalani proses itu, manakala 56 lagi ditempatkan di hospital bagi rawatan lanjut.

"Seramai 10,698 daripada 19,218 individu yang pulang ke tanah air bagi tempoh 24 Julai hingga 28 Ogos lalu, dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

"Mereka ini pulang melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan ditempatkan di 70 hotel serta lima Institut Latihan Awam (ILA) di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah serta Labuan.

"Dokumen perjalanan menunjukkan mereka pulang dari 32 negara iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Timor Leste, Taiwan, China, United Kingdom, Belanda, Papua New Guinea, Mesir, Sepanyol, Perancis, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat," katanya.

Kedah akui pernah syor Pusat laksana PKPD Secara Pentadbiran

Pendang: Kerajaan negeri mengaku pernah mencadangkan supaya Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran diadakan secara meluas di negeri itu bagi mengekang penularan COVID-19, namun akur ia dilaksanakan mengikut mukim atau kawasan sahaja berikutan kekangan tertentu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata cadangan itu dibuat berikutan tercetusnya beberapa kluster baharu di negeri ini, terutama Kluster Tawar yang merebak lebih pantas.

"Kita memang syorkan kepada Kerajaan Pusat supaya PKPD Secara Pentadbiran diadakan lebih meluas, namun ada beberapa kekangan antaranya dari segi penempatan anggota keselamatan terhad untuk mengawal kawasan yang luas.

"Selain itu, dana yang besar juga diperlukan untuk pengurusan dan mengagihkan bantuan kepada penduduk di kawasan perintah terbabit," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan RM156,000 kepada 52 masjid di seluruh Parlimen Pendang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pendang, Awang Hashim. Mengulas lanjut, Mohd Hayati berkata, penyebaran Kluster Tawar di Kuala Muda sangat berbeza dengan Kluster Sivagangga berikutan Kluster Tawar merebak di kawasan penduduk padat berbanding Kluster Sivagangga yang penduduknya 7,000 orang sahaja.

Katanya, paling membimbangkan virus Kluster Tawar ini mempunyai mutasi D614G yang boleh merebak lebih pantas.

"Kita yakin 22,360 penduduk di Amanjaya akan keluar melakukan saringan seperti diarahkan Kementerian Kesihatan (KKM) kerana mereka tahu mengenai bahaya mutasi D614G.

"Sehingga semalam (kelmarin) sudah lebih 3,000 keluar melakukan saringan dan hari ini (semalam) kita jangka 2,000 penduduk lagi akan keluar melakukan saringan.

"Kita jangka saringan terhadap semua penduduk Amanjaya akan mengambil masa lebih seminggu, cuma saya minta penduduk yang dipakaikan gelang merah jambu tidak ingkar arahan," katanya.

Sehingga kelmarin, Kluster Tawar merekodkan 73 kes dan ia merebak di empat daerah di Kedah iaitu Kuala Muda (26 kes), Baling (20 kes), Kulim (15 kes) dan satu kes di Sik.



BH TV

Tekad ubah stigma terhadap pesakit

Gombak: Berbekalkan hasrat mahu mengubah stigma negatif masyarakat, seorang bekas pesakit COVID-19 nekad berkongsi pengalaman dijangkiti virus penyakit berbahaya itu kepada umum.

Pengarah Institut Koperasi Malaysia, Ariffin Mamat, berkata pengalaman dibukukan itu dianggap berkesan bagi mendidik masyarakat, sekali gus berkongsi pengetahuan mengenai penyakit berkenaan.

Dalam pertemuan di kediamannya di sini baru-baru ini, beliau yang mesra dengan panggilan Pak Pin, mengakui panik dan resah sebaik mendapat tahu dirinya dijangkiti COVID-19.

"Pada mula mendapat tahu (dijangkiti) memang saya panik. Setiap hari kita membaca sekian banyak nyawa diragut virus COVID-19.

"Bagaimanapun, saya positifkan diri dan kembali kepada hakikat bahawa penyakit ini daripada Allah/SWT, jadi Allah SWT juga yang boleh menyembuhkannya," katanya.

Sepanjang 10 hari dirawat di


Hospital Sungai Buloh, Ariffin mencatat setiap perkara ditempuh, dengan niat asal hanya untuk berkongsi pengalaman di akaun media sosial Facebook miliknya.

Tanpa diduga, setiap catatan berkenaan mendapat sambutan hangat pembaca, apatah lagi beliau adalah pesakit pertama yang bercerita secara langsung mengenai kisah dijangkiti COVID-19.

"Saya mendapat maklum balas amat baik setiap kali memuat naik catatan itu. Ada yang memberitahu, mereka turut mendapat motivasi dengan nilai positif diterapkan dan ia mendorong saya terus menulis," katanya.

Ariffin berkata, idea menghasilkan buku kisah benar bertajuk *Coronavirus, Hikmah Dalam Musibah* timbul apabila menyedari, catatan pengalaman itu tidak boleh dibaca individu yang tidak memiliki akaun Facebook.

"Bukan semua orang ada akaun Facebook atau tahu melayari internet. Penghasilan buku ini membolehkan semua maklumat disampaikan segenap lapisan masyarakat," katanya.



Pak Pin menunjukkan buku *Coronavirus, Hikmah Dalam Musibah* ketika ditemui di kediamannya di Gombak, baru-baru ini.

(Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4 Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo/Ahad 30 OGOS 2020

Penduduk mengeluh hanya sebuah kedai runcit dibuka

Sukar perolehi barang basah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

SUNGAI PETANI – Penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini mengeluh apabila hanya sebuah kedai runcit yang menjual barang basah dibuka di kawasan perumahan tersebut sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Dikeketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran bermula kelmarin.

Rata-rata penduduk Zon Kenanga, Mawar dan Melor yang ditemui semalam memberitahu mereka berdepan kesukaran apabila empat kedai runcit di situ diarah tutup kerana semua peniaga premis tinggal di luar kawasan PKPD.

Susulan itu, penduduk memohon supaya sebuah pasar tani khas dibuka bagi memudahkan mereka mendapatkan barang makanan terutama ikan, ayam dan sayur-sayuran.

Penduduk Zon Mawar, Mohd. Saiful Saad, 45, berkata, penduduk sangat memerlukan bekalan makanan terutama barang basah sepanjang PKPD ini.

"Malangnya hari ini hanya sebuah kedai runcit yang menjual barang basah dibuka, manakala yang lain tutup kerana difahamkan peniaga bukan penduduk di kawasan ini," katanya ketika ditemui di Ambangan Heights di sini semalam.



PENDUDUK Zon Mawar yang juga peniaga pasar, Abu Aziz (kiri) bercadang untuk membuka gerai jualan barang basah di kawasan perumahan di Ambangan Heights.

Katanya, kawasan perumahan yang dihuni seramai 22,360 penduduk itu luas dan mereka memerlukan bekalan makanan yang mencukupi sepanjang tempoh kuarantin tersebut.

"Apa yang saya lihat penduduk di sini memerlukan sebuah pasar tani khas di kawasan ini," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, Azizan Abdul Kadir, 46, berkata, penduduk buat masa ini terpaksa menggunakan perkhidmatan

penghantaran untuk membeli barang di luar kawasan ini.

"Hari ini saya terpaksa meminta bantuan kawan untuk mendapatkan bekalan petrol di hadapan sekatan jalan raya di jalan masuk ke Ambangan Heights ini," katanya.

Sementara itu, penduduk Zon Mawar, Abu Aziz Jaafar, 56, berkata, dia terputus mata pencarian apabila tidak dibenarkan keluar untuk berniaga di pasar

pagi Taman Bandar Baru terletak berhampiran.

"Saya bercadang untuk mendapatkan bekalan barang basah daripada peniaga di luar kawasan ini untuk berniaga di kawasan perumahan ini," katanya.

Katanya, dia juga berharap agar sebuah pasar tani khas dibuka di kawasan PKPD itu dengan kadar segera selain proses agihan bantuan makanan daripada kerajaan dipercepatkan.

Orang ramai tidak digalakkan berkumpul

SEBERANG PERAI – Polis tidak menggalakkan orang ramai untuk berhimpun dan berkumpul di lokasi yang sering menjadi tumpuan orang ramai bagi merayakan ambang merdeka di daerah Seberang Perai Utara (SPU) malam ini.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, ia bagi mengelakkan ketidaktetapan orang ramai terhadap prosedur operasi standard (SOP) untuk membanding penularan Covid-19.

"Antara kawasan tumpuan pada setiap tahun termasuklah di kawasan rehat dan rawat (R&R) Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth, Pantai Bersih dan Pantai Robina di Butterworth.

"Polis akan memberi nasihat jika masih terdapat individu yang berhimpun untuk merayakan ambang merdeka. Namun, jika masih ingkar, tindakan kompaun akan dikenakan," katanya kepada pemberita semalam.

Beliau berkata, polis tidak menghalang sebarang aktiviti, namun tidak menggalakkan orang ramai untuk hadir ke kawasan tumpuan memandangkan semua aktiviti sambutan Hari Kebangsaan ke-63 telah dibatalkan oleh kerajaan negeri.

"Aktiviti (sambutan ambang merdeka) persendirian adalah tidak digalakkan terutamanya selepas pukul 12 tengah malam," tambahnya.

Kawalan di PKPD dipertingkatkan


Oleh OTHMAN YAHAYA

SUNGAI PETANI – Polis terus meningkatkan penguatkuasaan di seluruh kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Dikeketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini termasuk menambah kekuatan anggota bertugas.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Adzli Abu Shah berkata, seramai 191 anggota polis dan tentera terlibat dalam tugas penguatkuasaan di kawasan perumahan tersebut yang melibatkan Zon Kenanga, Mawar dan Melor.

"Kita menambah kekuatan anggota dan pegawai pada hari kedua ini berbanding 135 anggota sebelum ini dalam usaha untuk memastikan semua prosedur operasi standard PKPD termasuk arahan kuarantin dipatuhi penduduk.

"Empat sekatan jalan raya di-



WALAUPN dalam keadaan hujan, anggota tentera masih meneruskan memasang kawat duri di Ambangan Heights, Sungai Petani semalam.

lakukan di Persiaran Amanjaya 4, Lebuhr Kenanga 1, Zon Kenangan 8 dan Zon Kenangan 9," katanya di sini semalam.

Katanya, semua laluan dan

lorong tikus juga ditutup menggunakan penghadang konkrit dan kawat duri bagi mengelakkan penduduk keluar dari kawasan PKPD," ujarnya.

3,216 penduduk telah disaring kelmarin

SUNGAI PETANI – Sebanyak 3,216 orang atau 14.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk seramai 22,360 di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini telah disaring sehingga pukul 8 malam kelmarin.

Ujian saringan secara berperingkat itu dilakukan sejak hari pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Dikeketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran pada kelmarin.

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, Dr. Mohd. Fikri Ujang berkata, semua penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor menjalani ujian saringan di enam pusat pengambilan sampel Covid-19 yang dibuka di kawasan perumahan tersebut.

"Sebanyak dua pusat saringan ditempatkan di setiap zon dengan proses pengam-

bilan sampel dijalankan bermula pukul 8 pagi hingga 8 malam," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, dua pusat saringan yang dibuka di Zon Kenanga adalah Sekolah Kebangsaan Ambangan Heights dan Surau Muhammad Al-Fateh, Zon Mawar di Surau Al-Ikhlash dan Surau An Nur, manakala Zon Melor di Masjid Al-Imam An Nawawi dan Surau Salahuddin Al-Ayubi.

"Bagi tujuan tersebut, seramai 700 anggota kesihatan telah dimobilisasikan yang mana saringan dilaksanakan bermula semalam (kelmarin)," ujarnya.

Tambahnya, sebanyak 3,216 penduduk telah disaring sehingga pukul 8 malam kelmarin dan sampel dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Ipoh, Perak dan Sungai Buloh, Selangor.


AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! Ahad 30 OGOS 2020

Negara!

5

Covid-19 #kitamestimenang



Akta 342 dipinda di Parlimen untuk tambah denda langgar SOP

KKM tunggu respons rakyat

Oleh MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meneliti pandangan dan maklum balas masyarakat terlebih dahulu sebelum membawa Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) untuk dipinda di Parlimen agar kadar kompaun dinaikkan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, pihaknya menyambut baik pengumuman kenaikan kadar kompaun yang diberitahu Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP) malam kelmarin.

"Bagaimanapun KKM akan meneliti pandangan dan maklum balas masyarakat terlebih dahulu.

"Sekiranya kita ingin melihat kompaun dinaikkan sekali atau dua kali ganda kita perlu meminda Akta 342. KKM sedia untuk membawa akta ini dipinda pada sidang Parlimen akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penyerahan Pelitup Muka Kepada Pertubuhan Gabungan Tahfiz Negeri Johor dan Pelancaran Harga Pelitup Muka Econsave di Econsave Kota Tinggi semalam.

Menurut Adham, KKM perlu berbincang di peringkat Kabinet terlebih dahulu serta melihat respon rakyat.

"Ada juga Ahli Parlimen yang meminta kompaun dikurangkan buat mereka yang mungkin daripada golongan tidak berkemampuan.



DR. ADHAM (tiga dari kiri) menyerahkan sumbangan 100,000 keping pelitup muka kepada Pertubuhan Gabungan Tahfiz Negeri Johor di Econsave Kota Tinggi semalam.

"Saya hendak beritahu bahawa kompaun setakat ini maksimum RM1,000 tetapi boleh ikut budi bicara pegawai yang diberi kuasa untuk kompaun bermula dengan RM100, RM200 hingga maksimum. Kompaun RM1,000 diberi biasanya disebabkan kesalahan yang betul-betul kesalahan yang wajar kerana tidak patuhi SOP," katanya.

Mengulas lanjut Adham yang juga Ahli Parlimen Tenggara berkata, kewajaran menggunakan penyukat suhu di premis-premis masih diperlukan.

"KKM tetap dengan pendirian bahawa penyukat suhu badan adalah penting kerana ia satu cara untuk pengesanan awal

mereka yang bergejala selain daripada batuk, sakit tekak dan demam.

"Contoh kes di Sivagangga, Kubang Pasu, Kedah tidak ada langsung buku dan MySejahtera. Bayangkan betapa sukar pihak kementerian hendak mengesan kontak," katanya.

Terdahulu, pihak Econsave melancarkan majlis penyerahan sumbangan pelitup muka kepada sekolah tahfiz di seluruh negeri Johor berjumlah 100,000 keping.

Pasar raya berkenaan turut melancarkan penjualan pelitup muka berharga 18 sen sekeping melibatkan 81 buah rangkaian di seluruh negara.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	11
• Import: 10	
• Tempatan: 1	
• Pulih	8
• Kematian	0
• Masih dirawat	154
• Jumlah kes sembuh	9,038
• Jumlah Kematian	125
Jumlah kes keseluruhan	9,317

300 kes import Covid-19 di Kuala Lumpur

PUTRAJAYA – Lapan kes import Covid-19 yang dilaporkan di Kuala Lumpur semalam menjadikan jumlah kes di ibu negara adalah yang paling tinggi di negara ini dengan jumlah sebanyak 300 kes.

Jumlah tersebut melibatkan pengembara dan pemastautin tetap di Malaysia yang direkodkan dari 3 April hingga semalam.

Selain itu, Selangor dan Negeri Sembilan adalah dua negeri yang mencatatkan kes melebihi 100 masing-masing sebanyak 229 dan 169 kes dalam tempoh sama.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdul-

lah berkata, lapan kes import di ibu negara itu melibatkan enam warganegara dan dua bukan warganegara.

"Kes import melibatkan enam warganegara Malaysia yang direkodkan di Kuala Lumpur dikenal pasti dari India.

"Turut dikesan di Kuala Lumpur adalah dua kes import bukan warganegara masing-masing dari India dan Qatar," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, selain lapan kes import itu, dua lagi kes import lain dikesan di Selangor

dengan kes terbabit dikenal pasti dari Indonesia dan India.

Menurutnya, selain 10 kes import tersebut, satu kes penularan tempatan memabatkan warganegara turut dikesan di Sarawak menerusi saringan prapembedahan di Hospital Umum Sarawak.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, seramai 109 individu dikenal pasti sebagai kontak rapat kepada tiga kes positif Covid-19 memabatkan seorang anggota tentera dan dua pesakit awam di Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak, Melaka.

Beliau berkata, kesemua masih menunggu keputusan selepas saringan gejala dan ujian pengesanan Covid-19 dibuat terhadap mereka.

"Tiada pertambahan kes baharu di sembilan kluster Covid-19 yang aktif di negara ini termasuk Kluster Tawar.

"Daerah Kepong dan Cheras di ibu negara juga dilaporkan kembali menjadi zon hijau selain daerah Tampin di Negeri Sembilan," katanya.

Tambahnya, dengan itu, Negeri Sembilan kini kembali menjadi zon hijau.

Lanjutan PKPP tidak jejas ekonomi negara

KOTA BHARU – Langkah kerajaan melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga penghujung tahun ini dijangka tidak akan menjejaskan ekonomi dan perdagangan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ekonomi negara dilihat sudah beransur pulih selepas kerajaan membuka semula semua sektor ekonomi sejak Jun lalu.

"Sektor peruncitan, perusahaan kecil dan sederhana, pembuatan termasuk pembinaan juga semakin rancak.

"Kita berpendapat tindakan melanjut PKPP adalah tepat dan ia tidak akan menjejaskan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kios Air Tebu Viral di Hotel Royale Guest House di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Komuniti Tebu Kelantan, Mohd. Rizuan Shah Mamat.

33 ditahan terbabit aktiviti berperti

PUTRAJAYA – Sebanyak 79 individu ditahan atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semalam termasuk 22 membabitkan aktiviti parti persendirian dan 11 di kelab malam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kesalahan lain termasuk gagal menyediakan peralatan serta catatan keluar masuk (18), tidak memakai pelitup muka (17), premis beroperasi lebih masa (1) dan aktiviti dengan melibatkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal (10).

"Daripada jumlah itu, seramai 51 individu telah dikompau, manakala 28 individu pula direman," katanya dalam kenyataan akhbar Pelaksanaan PKP Hari ke-165 di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, sehingga semalam, seramai 19,218 individu pulang ke tanah air dan telah ditempatkan di 70 stesen kuarantin yang ditetapkan selepas arahan itu diwajibkan mulai 24 Julai lalu dengan 10,698 telah didiscaj dan dibenarkan pulang.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

10

30 OGOS 2020 • SINAR AHAD



MEMERANGI WABAK COVID-19

10 kes import, 1 tempatan

Malaysia rekod 11 kes baharu Covid-19 dalam tempoh 24 jam

KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan 11 kes baharu Covid-19 dalam tempoh 24 jam lepas dengan 10 kes import dan satu kes penularan tempatan.

